

HARGAI NIKMAT KEAMANAN KHUTBAH SEMPENA KEMERDEKAAN

Oleh: HANAFI HJ. HAMDANI

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sebagai rakyat yang beragama Islam, kita hendaklah sentiasa bersyukur ke hadrat Ilahi Rabbi, yang mengurniakan kepada kita nikmat iman dan Islam serta nikmat keamanan, kemerdekaan dan kemakmuran. Dengan adanya keamanan dan kesejahteraan, segala urusan kehidupan termasuk peribadatan kepada Allah SWT dapat kita laksanakan dalam suasana tenang, tenteram dan selamat. Maka, bersyukur kepada Allah merupakan satu cara atau amalan mulia bagi hamba-hamba Allah merakamkan penghargaan serta rasa terima kasih terhadap nikmat yang begitu banyak dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita semua. Firman Allah:-

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ
عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”.* (S. Ibrahim: 7).

Oleh itu, hargailah keamanan, kemerdekaan, keselamatan dan kemakmuran hidup yang kita kecapai hingga ke hari ini dengan bersyukur melalui perbuatan lisan, penghayatan serta amali, yakni mengerjakan segala suruhan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh lebih banyak nikmat dari Allah SWT, seterusnya beroleh kemuliaan di sisi-Nya.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Marilah kita sedari dan insafi bersama bahawa keamanan, kemerdekaan, keselamatan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan negara ini adalah hasil pengorbanan para perwira tanah air terdahulu. Walaupun barangkali tiada pertumpahan darah berlaku semasa

menuntut kemerdekaan, namun seluruh rakyat Malaysia terutama sekali generasi muda harus tahu bahawa ramai pahlawan terbilang telah gugur bermandikan darah menentang penindasan penjajah serta membanteras komunis dan penjenayah. Justeru, pengorbanan bekas anggota pasukan keselamatan terlalu tinggi untuk dibiarkan begitu sahaja.

Dalam kerangka mengajak seluruh masyarakat supaya sama-sama memperingati dan menghargai jasa pejuang tanah air di semua peringkat, kerajaan mengisytiharkan 31 Julai setiap tahun sebagai Hari Pahlawan. Ia menjadi acara simbolik setiap tahun bagi memperingati perajurit-perajurit negara yang gugur semasa mempertahankan keamanan, keselamatan dan kedaulatan negara. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa Hari Pahlawan bukan hanya diingati oleh kaum keluarga perajurit yang terkorban, tetapi seharusnya diperingati, dikenang dan dihargai oleh seluruh rakyat yang hidup aman damai hasil jasa dan pengorbanan pahlawan negara.

Hakikatnya, tanpa jasa dan pengorbanan mereka yang menganggotai pasukan keselamatan, siapalah kita. Jangan disebabkan kita hidup selesa dan aman damai hari ini, jasa mereka dilupakan begitu sahaja.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tugas menjaga dan memelihara keselamatan negara dari sebarang ancaman dan pencerobohan anasir-anasir jahat tergalas di atas bahu anggota pasukan keselamatan seperti tentera dan polis. Namun hakikatnya, setiap warga tanpa mengira pangkat dan kedudukan turut berkewajipan memastikan tanah air yang kita huni ini sentiasa terpelihara daripada sebarang perbuatan mungkar yang boleh menjejaskan keharmonian hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Tanggungjawab berkenaan boleh dilakukan menurut kemampuan masing-masing selaras dengan mafhum hadis Rasulullah SAW daripada Abu Said al-Khudri katanya, saya mendengar Rasulullah bersabda :

“Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya ia tidak mampu berbuat demikian, ubahlah dengan lidahnya (perkataannya). Jika ia tidak mampu juga berbuat demikian, ubahlah dengan hatinya. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman. (Hr. Muslim).

Melalui hadis ini, Rasulullah SAW menuntut umatnya supaya bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakatnya. Sekiranya seseorang itu melihat sesuatu perbuatan salah laku atau mungkar, hendaklah dia menanganinya mengikut kemampuannya. Ia meliputi menggunakan kuasa yang dimiliki, memberi nasihat atau sekurang-kurangnya menentang perkara mungkar dan keji dalam hatinya. Dan penentangan dalam hati adalah peringkat iman yang paling rendah.

Umat Islam disaran supaya memastikan masyarakat dan negaranya terpelihara dari sebarang perbuatan atau amalan yang boleh mengancam kesejahteraan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara kerana keadaan dan suasana yang aman damai serta selamat merupakan satu nikmat yang tiada ternilai harganya. Ini kerana selain ia memudahkan rakyat menjalankan pelbagai aktiviti kehidupan dengan tenang dan selesa, keadaan yang aman damai juga membolehkan pihak pemerintah melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk memperbaiki kedudukan sosio ekonomi masyarakat.

Malah dalam konteks dunia serba moden ini, keadaan yang aman damai merupakan antara faktor untuk menggerakkan kekuatan negara dan mengimbangkan segala perancangan sedia ada memajukan ekonomi negara. Pelabur asing misalnya akan berminat untuk melabur di negara yang tidak bermasalah. Jika negara berada dalam kucar-kacir dan huru-hara, pasti tidak ada pihak pun yang akan melabur kerana khuatir akan kerugian berjuta-juta ringgit.

JEMAAH JUMAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Salah satu cara bagi masyarakat menghargai jasa dan pengorbanan perwira-perwira yang berbakti

membela agama, bangsa dan negara ialah menghulurkan derma sumbangan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan. Sumbangan orang ramai menjadi sumber pendapatan dalam menggerakkan pelbagai aktiviti membabitkan pesara tentera termasuk di bawah Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Walaupun derma yang diberikan itu tidak setimpal dengan nilai darah dan keringat para perajurit yang mengalir mempertahankan kedaulatan negara, namun ia sekurang-kurangnya dapat menyumbang ke arah membela kebajikan para pesara tentera serta balu-balu dan anak-anak perwira-perwira yang terkorban. Dan tabung Rayuan Hari Pahlawan ini diaktifkan di seluruh negeri.

Ketahuiilah saudara Muslimin sekalian, setiap sen yang dibelanjakan untuk tujuan kebajikan pada jalan Allah akan diganjar berganda-ganda banyaknya. Perihal ganjaran yang sedemikian itu dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:-

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ
 حَبَّةٍ أَدْبَتَتْ مَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ
 لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Yang bermaksud: *“Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”* (S. Al-Baqarah: 261).

Sehubungan dengan ganjaran yang besar dari Allah tersebut, marilah kita sama-sama ringan tangan menghulurkan derma mengikut kemampuan masing-masing kepada tabung Rayuan Hari Pahlawan. Sumbangan yang diberikan bukan saja satu bentuk penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pahlawan tanah air, malah derma yang disumbangkan itu juga merupakan satu cara bagi kita melahirkan kesyukuran terhadap nikmat keamanan, kemerdekaan dan kemakmuran yang terjelma hasil jasa dan pengorbanan perwira-perwira terbilang dalam membela agama, bangsa dan negara yang tercinta ini.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Seluruh rakyat tanpa mengira usia dan jantina, perlu meneruskan perjuangan para pejuang kita yang terdahulu. Kita perlu menjadi patriotik, yang terus mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara. Perasaan cinta terhadap tanah air perlu terus dibaja supaya subur mekar menatijahkan warga yang sanggup berkorban nyawa, harta dan masa untuk membela agama, bangsa dan negara.

Jika semangat jati diri, patriotisme dan cintakan negara dapat dipupuk di kalangan masyarakat, ia dapat memastikan keselamatan dan kesejahteraan negara lebih terjamin. Ini akan membolehkan rakyat mempertingkatkan daya ketahanan diri dan tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang cuba mengganggu perpaduan kaum dan kestabilan negara.

Kesimpulanya saudara-saudara jemaah sekalian, marilah kita sama-sama memelihara dan pertahankan nikmat keamanan, kemerdekaan dan kemakmuran yang kita kecapi selama ini dengan berbekalkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kelengkapan ketenteraan yang serba canggih. Firman Allah:-

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
 تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَعَآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ
 يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ
 لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.” (S. Al-Anfal: 60).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
 الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
 اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

LAILATUL QADAR: DATANGNYA SEKALI SEUMUR HIDUP

Disediakan oleh:
HANAFI HJ. HAMDANI

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

يا أيها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها زوجها وبث منهما رجالا كثيرا ونساء واتقوا الله الذي تساءلون به والأرحام إن الله كان عليكم رقيبا

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya .Sesungguhnya kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat hanyalah ditentukan oleh iman dan takwa. Mimbar hari ini akan membicarakan tajuk” **Lailatul Qadar: Peluang Sekali Seumur Hidup.**”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kita akan memasuki fasa ketiga bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini. Marilah kita menggunakan peluang dan tawaran yang berharga ini bagi menambahkan bekalan akhirat. Lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir pada bulan Ramadan yang mempunyai satu malam yang sangat istimewa iaitu Lailatul Qadar. Sesiapa yang

mengerjakan amal ibadah pada malam tersebut akan mendapat ganjaran pahala ibadah yang dikerjakan selama seribu bulan. Maka beruntunglah siapa yang mendapat kelebihan beribadat pada malam tersebut .

Firman Allah SWT dalam surah Al-Qadar ayat 1-5:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ * وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ * لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ * تَنزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا
بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ * سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya kami telah menurunkan Al-Quran pada malam Lailatul Qadar. Tahukah kamu apakah malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun para Malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan kerana membawa segala perkara yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut. Sejahteralah malam yang berkat itu sehingga terbit fajar "*

Berdasarkan ayat ini, pada malam Lailatul Qadar para Malaikat membawa rahmat daripada Allah SWT turun ke dunia untuk dikurniakan kepada orang yang beribadat pada malam itu. Sepatutnya kita merasa rugi dan kesal jika mensia-siakan peluang keemasan yang Allah sediakan pada malam Lailatul Qadar. Janganlah kita merasakan amal ibadah kita terlalu banyak sehingga mengabaikan kelebihan malam tersebut. Ketahuilah bahawa Rasulullah SAW akan mempertingkat amalan sebaik sahaja memasuki malam ke 21 Ramadan iaitu dengan beriktikaf di masjid, membangunkan ahli keluarga untuk bersolat malam dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa baginda benar-benar berusaha untuk memperolehi kelebihan malam Lailatul Qadar itu. Dalam hadis riwayat Al-Bukhari menyatakan bahawa Aisyah RA berkata :

"كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ الْأَوَّخِرُ شَدَّ مِغْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيَّقَطَ أَهْلَهُ".

Maksudnya : *"Sesungguhnya nabi SAW apabila masuk sepuluh hari terakhir pada bulan Ramadan, baginda akan mempertingkat amal ibadah, menghidupkan ibadat malam dan membangunkan ahli keluarga daripada tidur untuk beribadat"*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Lailatul Qadar menjadi kayu pengukur atas kekuatan iman dan takwa umat Islam sepanjang bulan Ramadan. Amal ibadat yang dilakukan bertepatan dengan malam tersebut akan memperoleh pahala yang berlipat ganda. Bagi seseorang yang ditakdirkan bertemu dengan Lailatul Qadar tersebut, maka hendaklah membanyakkan doa memohon keampunan kepada Allah SWT atas segala dosa yang telah dilakukan. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis riwayat Al-Bukhari, yang bermaksud: **“Sesiapa mengerjakan ibadat pada malam Lailatul Qadar kerana imannya kepada Allah dan mengharapkan ganjaran-Nya, nescaya diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu”**.

Imam Al-Tirmizi meriwayatkan hadis daripada Aisyah RA bahawa aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW: **“Wahai Rasulullah! Apa pandangan engkau, sekiranya aku mengetahui suatu malam itu ialah Lailatul Qadar, apakah yang sepatutnya aku lakukan pada malam itu? Rasulullah SAW bersabda: Berdoalah:**

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Maksudnya: “Ya Allah! Sesungguhnya Engkau memaafkan kesalahan hamba-Mu, serta cenderung memaafkannya. Oleh itu maafkan kesalahanku”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pada penghujung Ramadan ini, terdapat sebahagian besar umat Islam sibuk dengan membuat persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sebab itulah kita boleh melihat pada malam 10 terakhir ini, masjid-masjid menjadi lengang dan sepi, para jemaah solat terawih semakin berkurangan, dan pasaraya-pasaraya menjadi tempat tumpuan. Malah ada sebahagian suri-suri rumah sibuk dengan persediaan menyambut hari lebaran seperti mengemas rumah dan membuat kuih muih sehingga ada dalam kalangan mereka tidak melakukan ibadat puasa dan terawih kerana keletihan.

Mimbar ingin menyatakan bahawa suasana yang sebegini, sebenarnya tidak sepatutnya dilakukan oleh kita adalah amat rugi orang yang berbuat sedemikian. Hal ini kerana tahap

terakhir inilah kemuncak Ramadan di mana kita mesti melipat-gandakan ibadat dengan tidak mensia-siakan peluang yang ada, kerana kita belum pasti lagi berpeluang atau tidak untuk terus bersama dengan ibadat Ramadan pada tahun hadapan.

Justeru, langkah terbaik adalah kita hendaklah terus beristiqamah melakukan amal ibadah pada sepuluh malam terakhir terutama pada malam-malam ganjil. Allah SWT merahsiakan bila terjadinya malam Lailatul Qadar itu daripada pengetahuan kita dengan tujuan supaya kita membanyakkan ibadat dan amal kebajikan pada sepanjang bulan Ramadan.

Sidang Jumaat Sekalian,

Persoalan besar timbul adalah apakah bentuk ibadat yang dilakukan oleh Rasulullah SAW pada 10 terakhir Ramadan yang amat wajar kita contohi. Antara yang dianjurkan oleh para ulama ialah:

Pertama: Menghidupkan malam iaitu sekurang-kurangnya melaksanakan solat Isyak, Terawih dan Subuh secara berjemaah, di samping mengamalkan ibadat-ibadat yang lain seperti membaca Al-Quran dan membanyakkan doa kepada Allah SWT.

Kedua: Bangun bersama ahli keluarga untuk turut membuat pengisian ibadat kepada Allah SWT dengan solat, tilawah Al-Quran dan Istighfar pada waktu sahur.

Ketiga: Mengikat kain iaitu merujuk kepada amalan Rasulullah SAW tidur berasingan dengan isteri pada 10 malam terakhir untuk memberi tumpuan beribadat kepada Allah SWT.

Keempat : Rasulullah SAW melakukan iktikaf di masjid. Baginda memasuki masjid sebelum waktu Maghrib pada 20 Ramadan. Antara aktiviti yang dilakukan semasa iktikaf adalah bermunajat, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa kepada Allah SWT.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar pada hari ini juga ingin mengingatkan umat Islam di negeri ini supaya berbelanja secara berhemah pada bulan ibadat ini. Berbelanjalah pada bulan Ramadan ini dengan

memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting sahaja tanpa perlu melakukan pembaziran. Janganlah kita membazir dengan membeli juadah berbuka puasa yang berlebihan serta membakar duit dengan membeli rokok atau mercun yang haram dan membawa dosa. Hal ini kerana membeli rokok dan mercun adalah haram kerana ia memudaratkan dan membazir. Islam menuntut kita bersifat jimat cermat dan menghindari sifat pembaziran kerana membazir itu adalah sifat buruk dan tercela serta digolongkan sebagai saudara syaitan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Israa' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang boros (pembazir) itu, adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya. Marilah kita berdoa kepada Allah SWT semoga segala amal ibadat yang kita lakukan sepanjang bulan Ramadan ini diterima Allah SWT dan seterusnya mendapat keberkatan, keampunan dan keredhaan dari Allah SWT

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.